

DATE: 18/08/2007

# UMNO terus kuat sampai bila-bila – Abdullah

UM-18/8/2007

MELAKA 17 Ogos – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berjanji di hadapan para pejuang kemerdekaan untuk menjaga UMNO supaya parti itu terus kuat dan berpengaruh sampai bila-bila.

Presiden UMNO berkata, sebagai penaja parti dan Perdana Menteri, beliau tidak mahu mengecewakan para pejuang kemerdekaan negara yang berjuang dengan penuh gigih bagi membebaskan negara daripada penjajahan.

Datuk Zam (Zainuddin Maidin) kata saya perlu beri amanat kepada veteran. Beliau kata pada beliau, nak beri amanat apa lagi kepada veteran-veteran yang saya kena buat ialah pengakuan bahawa saya akan jaga UMNO supaya parti kuat, berpengaruh dan terus maju.

“Saya adalah jaminan yang saya nak berikan kepada para pejuang tak rasa kecewa. Saya mahu tuan-tuan menikmati kemajuan yang kita kecapai hasil perjuangan tuan-tuan dahulu,” kata beliau.

Abdullah berkata demikian ketika berucap pada majlis Perhimpunan Perdana Veteran Merdeka anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam, Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin, Ketua Pengarah Jasa, Datuk Mohd. Amin Salih dan Pengerusi Veteran UMNO, Tan Sri Tajuddin Ali.

Seramai 3,500 veteran merdeka yang terdiri daripada pelbagai kaum dari seluruh negara berhimpun sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50.

Dalam pada itu, Abdullah meminta semua pihak supaya tidak mempersoalkan kasihnya terhadap UMNO kerana parti itu telah menjadi sehati dalam dirinya.

“Saya adalah anak jati UMNO. Bapa saya UMNO, emak UMNO, datuk UMNO. Sayang saya kepada UMNO jangan dipersoalkan dan saya ingin nyatakan di sini sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri, saya mahu lahirkan setinggi ucapan terima kasih kepada jasa veteran yang berjuang sebelum merdeka.

“Tugas saya menjaga kemerdekaan supaya ia tidak hilang, kekal merdeka dan berdaulat. Tiada siapa yang akan mempengaruhi rakyat Malaysia. Semuanya akan terus menikmati kemajuan yang kian bertambah dari semasa ke semasa,” tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, para pemim-



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalam dengan para veteran kemerdekaan pada majlis Perhimpunan Perdana Veteran Merdeka di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka, Ayer Keroh, Melaka, semalam.

— Gambar GAIE UCHEL

pin hari ini merupakan pewaris dan mereka bertanggungjawab untuk memenuhi wasiat dan semangat yang telah ditinggalkan oleh para pemimpin terdahulu yang telah meninggal dunia.

“Kalau mereka tidak ada semangat, kita tidak akan merdeka kerana perjuangan mereka gigih, hebat dan tidak kenal letih, susah dan penuh cabaran kerana itulah mereka berjaya sehingga kita mencapai

kemerdekaan,” kata beliau.

Sementara itu, dalam satu majlis berasingan, Presiden UMNO melancarkan jentera pilihan raya Pergerakan Puteri UMNO Melaka.